

DATE: 6 JULY 2013
PUBLICATION: HARIAN METRO
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM SASAR IPO RM550J
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 124 CM²

Sona Petroleum sasar IPO RM550j

Kuala Lumpur: Sona Petroleum Berhad (Sona Petroleum) atau dahulunya dikenali Titanium Windfall Sdn Bhd menyasarkan untuk meraih RM550 juta melalui pelancaran tawaran awam awal (IPO) bagi penyenaiaan syarikat itu di pasaran utama Bursa Malaysia menjelang akhir bulan ini.

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutifnya, Andreas Van Strijp berkata pelaksanaan IPO itu tawaran 1.1 bilion saham baru biasa bernilai RM0.01 sen setiap satu dan 1.1 bilion waran boleh cerai percuma.

Menurutnya, selepas penyenaiaan, Sona Petroleum dijangka memp-

nyai permodalan pasaran berjumlah sehingga RM705.4 juta.

"Perolehan daripada IPO ini akan membolehkan syarikat menguasai syarikat atau aset dalam fasa cari gali dan pengeluaran," katanya pada majlis pelancaran IPO di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, pengambilan itu didorong peningkatan permintaan bagi tenaga dalam jangka panjang yang terus kekal dan dijangka memacu peningkatan populasi dan pendapa-

tan dunia.

"Selain itu, situasi ini akan membuka peluang perniagaan lebih besar kepada syarikat minyak dan gas untuk membabitkan diri dalam urusan pengambilan dan operasi," katanya.

Dalam perkembangan sama, Sona Petroleum turut mencari peluang untuk membeli syarikat dalam industri itu bagi tujuan penerokaan dan pengeluaran hasil minyak serta gas di Asia Tenggara selain negara terpilih di Afrika dan Timur Tengah.

FAKTA

Pelaksanaan IPO itu tawaran 1.1 bilion saham baru biasa bernilai RM0.01 sen setiap satu